

Headline	Kecekapan TNB Bidor jadi teladan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Letters	Page No	34
ArticleSize	81 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,262		

**ADUAN**

Kecekapan TNB Bidor jadi teladan

Saya mewakili penduduk FELDA Trolak Timur, Perak, mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) Bidor, kerana berjaya mengatasi masalah penduduk mengenai kejadian kerosakan lampu jalan dengan segera.

Paling membanggakan, TNB berkenaan bertindak segera apabila aduan dibuat membabitkan sebuah lampu jalan di situ yang rosak selang dua minggu, baru-baru ini. Sebelum itu, mereka berjaya mengatasi masalah beberapa lampu jalan, di tempat yang sama, dipercayai disambar petir.

Sebagai contoh, mereka datang membaikinya waktu malam pada 23 November lalu, berikutan aduan tiga hari sebelumnya. Sebelum itu juga, pekerja TNB membaiki lampu awam waktu malam, berikutan pada sianginya hujan lebat.

Kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada TNB Bidor, khususnya kakitangannya yang berwibawa, iaitu Jamri Mat Sari dan Mohd Syahir Mohd Hadanan.

Diharapkan TNB lain dapat mencontohi kakitangan TNB Bidor cepat bertindak, setiap masalah yang ditimbulkan dalam melayani setiap aduan orang ramai, khususnya mengenai kerosakan lampu jalan.

Pak Long,
+ FELDA Trolak Timur